



# MyDIGITAL pacu ekonomi negara

MDEC komited laksana inisiatif berpaksikan digital agar rakyat dapat manfaat IR 4.0

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

**Pelaksanaan** MyDIGITAL dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dapat memacu pembangunan ekonomi negara seiring dengan sasaran kerajaan ke arah pendigitalan sepenuhnya menjelang 2030.

Pengerusi Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Datuk Dr Rais Hussin Mohamed Ariff, berkata ekonomi digital juga dijangka akan terus memberikan sumbangan penting kepada negara tahun ini berdasarkan anggaran 20 peratus kepada

Keluaran Dalam Negara Kasa (KDNK) pada 2020 diikuti ramalan pertumbuhan ekonomi dari Bank Dunia sebanyak 6.7 peratus.

Beliau berkata, MyDIGITAL akan menyediakan kerangka bagi melaksanakan transformasi digital Malaysia dan seterusnya mencapai visi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk menikmati kesejahteraan sosial, kelestarian alam sekitar dan pembangunan ekonomi yang adil untuk negara.

Inisiatif ini katanya, menerangkan pendekatan manusia secara berpusat dan dihubungkan dengan penggunaan teknologi secara bertanggungjawab, memelihara nilai manusia dan warisan budaya.

Katanya, MDEC bersama Kementerian Komunikasi dan Multimedia juga akan meneruskan usaha memimpin ekonomi digital supaya terus berkembang maju serta berpusat bagi memastikan kemakmuran bersama dan seterusnya merealisasikan Malaysia 5.0.

Ini katanya, akan berpan-

dukan kepada tiga teras utama iaitu menyediakan rakyat Malaysia berkemahiran digital, perniagaan diperkasa secara digital dan menarik pelaburan digital.

“MDEC komited untuk melaksanakan inisiatif berpaksikan digital seperti diumumkan dalam Belanjawan 2021 bagi memastikan rakyat mendapat manfaat daripada Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) serta mengukuhkan Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN.

“Visi kami mengenai Malaysia 5.0 akan melengkapkan rangka tindakan MyDIGITAL yang holistik,” katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Mengulas lanjut, Rais Hussin berkata, MDEC turut mempercepatkan usaha pengembangan keupayaan digital dalam kalangan rakyat dengan menyediakan lebih 3,800 kursus percuma.

Beliau berkata, bagi pendigitalan dan automasi perniagaan, agensi itu sudah melancarkan pelbagai inisiatif

termasuk 100GoDigital, SME Digital Accelerator, Geran Automatis Pintar dan SME Digital Quickwins.

Katanya, ini bagi memastikan perniagaan kecil dilengkapi kemahiran mencukupi untuk menerima manfaat dan berdepan dengan cabaran ekonomi digital.

“Sehingga kini, 335,834 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sudah memasuki pasaran e-dagang dan MDEC akan terus meningkatkan jangkauan program ini.

“Inisiatif PKS yang dilaksanakan ini turut berjaya menarik banyak rakan kongsi seperti syarikat telekomunikasi dan bank dalam menyokong transformasi digital,” katanya.

Malaysia juga sehingga Disember 2019 berjaya menarik pelaburan digital sebanyak RM345 bilion dan menyediakan 185,000 peluang pekerjaan.

Pada 2020 pula, Malaysia merekodkan pelaburan digital baharu berjumlah RM3.92 bilion dengan 9,000 peluang pekerjaan.